



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
PELAWAAN PERMOHONAN BAGI
PROGRAM PENAJAAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SEPARA BIASISWA
(HLPSB) TAHUN 2025

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mempelawa pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) untuk memohon program penajaan **Hadiah Latihan Persekutuan Separa Biasiswa (HLPSB) Tahun 2025** melalui Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) masing-masing. Program penajaan HLPSB ini terbuka kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan (kecuali Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan) bagi mengikuti kursus **Ijazah Lanjutan di peringkat Sarjana dan Kedoktoran (Ph.D) secara separuh masa** berdasarkan bidang khusus dan kepakaran yang berkaitan dengan skim perkhidmatan dan bidang tugas pegawai. Penawaran HLPSB dipanjangkan kepada kursus-kursus berbentuk *Open and Distance Learning (ODL)* / Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh yang dijalankan di luar waktu pejabat, tertakluk kepada kriteria institusi pengajian yang ditetapkan.

Pegawai daripada Kementerian atau Agensi yang mempunyai peruntukan penajaan sendiri **tidak layak memohon HLPSB**. Antaranya termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pertahanan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia, kecuali pegawai di bawah skim gunasama dan jawatan kader di kementerian-kementerian tersebut. Selain itu, pegawai di Jabatan / Agensi / Badan Berkanun yang telah diswastakan, dikorporatkan atau diasingkan sistem saraannya juga tidak layak memohon.

Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui portal <https://penajaan.ipa.gov.my> mulai **1 hingga 31 Oktober 2025**. Borang yang lengkap bersama dokumen sokongan **perlu dikemukakan dan diterima oleh pihak JPA sebelum atau pada 7 November 2025** sama ada melalui serahan tangan atau pos ke alamat berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p: **Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan**)

Maklumat terperinci berhubung syarat dan tatacara permohonan / pencalonan, dokumen-dokumen yang diperlukan dan sebagainya bagi permohonan program penajaan HLPSB Tahun 2025 ini adalah seperti di lampiran-lampiran berikut:

- LAMPIRAN 1 : Syarat-syarat Permohonan Program Penajaan HLPSB Tahun 2025
- LAMPIRAN 2 : Kemudahan dan Ikatan Kontrak di bawah Program Penajaan HLPSB Tahun 2025
- LAMPIRAN 3 : Senarai Institusi Pengajian Tinggi Tempatan di bawah Program Penajaan HLPSB Tahun 2025
- LAMPIRAN 4 : Senarai Bidang Pengajian di bawah Program Penajaan HLPSB Tahun 2025
- LAMPIRAN 5 : Borang Pengakuan dan Pemeriksaan Kesihatan bagi Program Penajaan HLPSB Tahun 2025
- LAMPIRAN A : Tatacara Permohonan oleh Pegawai dan Pencalonan oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan bagi Program Penajaan HLPSB Tahun 2025
- LAMPIRAN B : Borang Laporan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Kementerian/Jabatan untuk Kursus Dalam Perkhidmatan - JPA(L) LDP 1A/96
- LAMPIRAN C : Borang Maklumat Ringkas Pengajian
- LAMPIRAN D : Panduan Penyusunan Dokumen Permohonan / Pencalonan

Untuk sebarang pertanyaan lanjut mengenai penajaan ini, sila hubungi talian 03-8885 3053 / 3879 atau e-mel kepada penawaranldp@jpa.gov.my.

Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam
1 Oktober 2025



**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN
HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SEPARA BIASISWA (HLPSB) TAHUN 2025**

1. Program penajaan Hadiah Latihan Persekutuan Separa Biasiswa (HLPSB) merupakan program penajaan pengajian kepada pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional lantikan tetap Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan (kecuali Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan) yang sedang mengikuti pengajian di peringkat **Sarjana dan Kedoktoran** (Ph.D) secara **separuh masa** berdasarkan bidang khusus dan kepakaran yang berkaitan dengan skim Perkhidmatan dan bidang tugas pegawai.
2. Penawaran HLPSB tahun 2025 dipanjangkan kepada kursus-kursus berbentuk **Open and Distance Learning (ODL) / Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh** yang dijalankan di luar waktu pejabat, tertakluk kepada kriteria institusi pengajian yang ditetapkan.
3. Pegawai yang diluluskan untuk mengikuti program ini **tidak layak diberikan kemudahan Cuti Belajar** tetapi layak memohon kemudahan cuti tanpa rekod berdasarkan Ceraian SR.5.2.5: Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kursus Sambilan Kepada Pegawai Yang Mengikuti Pengajian Secara Sambilan di Institusi Pengajian Tinggi Dalam Negara serta Cuti Untuk Mengambil Peperiksaan berdasarkan Ceraian SR.5.7.1: Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kelompok, **tertakluk kepada kebenaran Ketua Jabatan;**
4. Pegawai-pegawai yang berminat untuk memohon program penajaan HLPSB tahun 2025 hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
 - (i) Pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional lantikan tetap **Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan** (kecuali Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan Saraan sama ada dibebaskan atau tidak dibebaskan);
 - (ii) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada 1 Januari 2025;
 - (iii) pegawai **berumur tidak melebihi 45 tahun** bagi pengajian peringkat **Ijazah Kedoktoran** (hanya pegawai yang lahir pada atau selepas 1 Januari 1980 sahaja) dan **50 tahun** bagi pengajian peringkat **Ijazah Sarjana** (hanya pegawai yang lahir pada atau selepas 1 Januari 1975 sahaja) **pada 1 Januari 2025;**

- (iv) Mencapai markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) **purata 85 markah** ke atas bagi tempoh **genap tiga (3) tahun** skim perkhidmatan terkini berturut-turut (2022, 2023 & 2024). Penilaian setahun LNPT hendaklah **genap 12 bulan**;

Nota: Pegawai yang mempunyai rekod Cuti Tanpa Gaji (CTG) / Cuti Separuh Gaji (CSG) dalam tahun penilaian LNPT terlibat serta tahun penawaran tidak layak dipertimbangkan program HLPSP Tahun 2025.

- (v) Mengikuti pengajian di **peringkat yang lebih tinggi** daripada kelayakan akademik sedia ada yang dimiliki pegawai.

Nota: Pegawai bertanggungjawab untuk mengisytiharkan kelayakan akademik tertinggi semasa yang dimiliki. Sekiranya pegawai gagal mengisytiharkannya dan dapat dikesan kemudian, pegawai bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang implikasi yang timbul daripada kegagalan pengisytiharan tersebut termasuklah tanggungan kos yang terlibat (sekiranya ada).

- (vi) Telah **menerima tawaran dan memulakan pengajian** di peringkat Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran pada tahun 2025 secara separuh masa / ODL yang dijalankan di luar waktu pejabat di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan seperti di **LAMPIRAN 3** dalam bidang yang diluluskan seperti di **LAMPIRAN 4**;

atau

Sedang dalam pengajian di peringkat Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran secara separuh masa / ODL yang dijalankan di luar waktu pejabat di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan seperti di **LAMPIRAN 3** dalam bidang yang diluluskan seperti di **LAMPIRAN 4** dan mempunyai sekurang-kurangnya **baki dua semester pada tarikh tutup permohonan**;

atau

Sedang dalam pengajian di peringkat Ijazah Sarjana (bukan penerima HLPSP) dan **mendapat tawaran ke peringkat Ijazah Kedoktoran (fast track)** secara separuh masa / ODL yang dijalankan di luar waktu pejabat di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan seperti di **LAMPIRAN 3** dalam bidang yang diluluskan seperti di **LAMPIRAN 4** dan mempunyai sekurang-kurangnya **baki dua (2) semester pada tarikh tutup permohonan**.

- (vii) Pengajian secara Kerja Kursus (*Coursework*) di peringkat Ijazah Sarjana perlu melibatkan sekurang-kurangnya **enam (6) jam kredit berbentuk tesis, disertasi atau kertas projek penyelidikan**.

LAMPIRAN 1

- (viii) Telah mendapatkan **kelulusan melanjutkan pengajian** secara separuh masa daripada Ketua Jabatan dan / atau Ketua Perkhidmatan;
- (ix) Kursus yang diikuti hendaklah mendapat **akreditasi penuh oleh MQA**;
- (x) Mematuhi **syarat genap tempoh** tamat mengikuti kursus jangka panjang / sederhana seperti berikut:

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu (pada 1 Januari 2025)
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun

- (xi) Tidak menerima **bantuan penajaan** yang lain;
- (xii) **Tidak mendapat penajaan** (pinjaman atau biasiswa) daripada agensi **penaja yang lain** bagi pengajian yang diikuti;
- (xiii) **Bebas** daripada pertuduhan / tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (xiv) Telah **mengisytiharkan harta** dalam tempoh lima (5) tahun terkini;
- (xv) **Bukan peminjam tegar** pinjaman pelajaran atau bukan dalam **senarai hitam** Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau badan penaja lain; dan
- (xvi) Pegawai yang **menghidap penyakit kronik / berjangkit / penyakit yang memerlukan rawatan susulan dan disahkan sihat serta berupaya mengikuti pengajian sehingga tamat oleh Pegawai Perubatan dibenarkan memohon HLPSB Tahun 2025.**



Ruj. : KKM.500/3/4/9 Jld. 15 (72)
Tarikh: 14 Oktober 2025

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan,

HEBAHAN PELAWAAN PERMOHONAN BAGI PROGRAM PENAJAAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SEPARA BIASISWA (HLPSB) TAHUN 2025

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin mempelawa pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) yang berminat dan berkecenderungan untuk memohon Program Penajaan Hadiah Latihan Persekutuan Separa Biasiswa (HLPSB) Tahun 2025. Program penajaan ini terbuka kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan (kecuali Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan) bagi mengikuti **kursus Ijazah Lanjutan di peringkat Sarjana dan Kedoktoran (Ph.D) secara separuh masa** berdasarkan bidang khusus dan kepakaran yang berkaitan dengan skim perkhidmatan dan bidang tugas pegawai.

3. Pegawai yang berminat untuk memohon penajaan ini hendaklah melengkapkan borang permohonan secara dalam talian melalui portal **<https://penajaan.jpa.gov.my> mulai 1 hingga 31 Oktober 2025**. Borang permohonan hendaklah dicetak, ditandatangani dan dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Latihan (BPL), KKM bersama dokumen-dokumen sokongan lain yang berkaitan untuk urusan perakuan di peringkat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM). Sebagai makluman, **Pegawai Kumpulan P&P (Skim Bukan Gunasama) Lantikan KKM, Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian KKM tidak layak memohon HLPSB.**

4. Calon dinasihatkan untuk merujuk kepada syarat dan tatacara permohonan yang telah ditetapkan oleh pihak JPA bagi memastikan permohonan tersebut diterima. Bersama-sama ini dikemukakan Notis Iklan HLPSB Tahun 2025 yang dikeluarkan oleh pihak JPA untuk rujukan calon seperti di **Lampiran 1**. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan **selewat-lewatnya sebelum atau pada 27 Oktober 2025 (Isnin)** kepada pihak BPL, KKM seperti berikut:



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT NO : QMS 03659



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT NO : QMS 03659

**Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 1
Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, Menara Prisma,
No 26, Persiaran Perdana, Presint 3
62675 WP Putrajaya
(u.p.: Program Kepakaran 1)**

5. Sebarang pertanyaan mengenai tawaran ini boleh dipanjangkan kepada Puan Nur Azreena binti Mahmud di talian 03-8885 0660 atau melalui e-mel: nurazreena@moh.gov.my. Permohonan yang dikemukakan hendaklah mematuhi tarikh tutup yang ditetapkan. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

6. YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan adalah dimohon untuk memaklumkan tawaran ini kepada semua pegawai yang berminat dan berkelayakan untuk memohon di Jabatan YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan.

7. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(EMILLIA ROSNIZAR BINTI AHMAD HANIPIAH)

Bahagian Pengurusan Latihan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

KSU

KPK

TKSU (K)

TKSU (P)

SENARAI EDARAN IBU PEJABAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (IPKKM)

1. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
2. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
3. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
4. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian)
5. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)
6. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)
7. Setiausaha Bahagian Kanan (Pembangunan)
8. Setiausaha Bahagian (Sumber Manusia)
9. Setiausaha Bahagian (Kewangan)
10. Setiausaha Bahagian (Khidmat Pengurusan)
11. Setiausaha Bahagian (Pembangunan Kompetensi)
12. Setiausaha Bahagian (Pengurusan Maklumat)
13. Setiausaha Bahagian (Dasar dan Hubungan Antarabangsa)
14. Setiausaha Bahagian (Perolehan & Penswataan)
15. Setiausaha Bahagian (Akaun)
16. Pengarah (Perkembangan Perubatan)
17. Pengarah (Pembangunan Kesihatan Keluarga)
18. Pengarah (Perkhidmatan Kejuruteraan)
19. Pengarah (Kawalan Penyakit)
20. Pengarah (Perancangan)
21. Pengarah (Amalan Perubatan)

22. Pengarah (Sains Kesihatan Bersekutu)
23. Pengarah (Perkembangan Kesihatan Awam)
24. Pengarah (Pemakanan)
25. Pengarah (Perubatan Tradisional dan Komplementari)
26. Pengarah (Kejururawatan)
27. Pengarah (Pendidikan Kesihatan)
28. Pengarah (Kawalselia Radiasi Perubatan)
29. Penasihat Undang-undang
30. Ketua Cawangan Audit Dalam
31. Ketua Unit Komunikasi Korporat
32. Ketua Unit Integriti

SENARAI EDARAN JABATAN KESIHATAN NEGERI (JKN)

1. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan W. P Kuala Lumpur dan Putrajaya
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur
W.P KUALA LUMPUR
2. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Tingkat 9, 10, 11 & 17, No. 1, Wisma Sunway
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C, Seksyen 9
40100 Shah Alam
SELANGOR
3. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30590 Ipoh
PERAK

4. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Jalan IM 4, Bandar Indera Mahkota
25582 Kuantan
PAHANG
5. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
Tingkat 3, 4, dan 5, Wisma Persekutuan,
Jalan Business City, Bandar MITC
75450 Ayer Keroh
MELAKA
6. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
Jalan Rasah
70300 Seremban
NEGERI SEMBILAN
7. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Persekutuan, Jalan Sultan Ismail
20290 Kuala Terengganu
TERENGGANU
8. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah
05400 Alor Setar
KEDAH
9. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
15590 Kota Bharu
KELANTAN
10. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Tingkat 3 & 4 Blok B, Wisma Persekutuan
Jalan Air Molek
80590 Johor Bahru
JOHOR

11. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Jalan Raja Syed Alwi
01000 Kangar
PERLIS
12. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 7, Bangunan MARA, No.33
10300 Jalan Pangkalan Weld
PULAU PINANG
13. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Tingkat 3, Rumah Persekutuan, Jalan Mat Salleh
88590 Kota Kinabalu
SABAH
14. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako
93590 Kuching
SARAWAK
15. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan W. P Labuan
Peti Surat 80832
87018 Labuan
W.P LABUAN

SENARAI EDARAN INSTITUSI

1. Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
Jalan Pahang
50586 Kuala Lumpur
W.P KUALA LUMPUR
2. Pengarah
Hospital Tunku Azizah
Lot 25, Jalan Raja Muda Abdul Aziz
Kampung Baru
50300 Kuala Lumpur
W.P KUALA LUMPUR

3. Pengarah
Institut Kanser Negara (IKN)
No.4, Jalan P7, Presint 7
62250 Putrajaya
W.P PUTRAJAYA
4. Pengarah
Institut Perubatan Respiratori (IPR)
Jalan Pahang
50586 Kuala Lumpur
W.P KUALA LUMPUR
5. Pengarah
Pusat Darah Negara
Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
W.P KUALA LUMPUR
6. Pengarah
Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)
Lot 36, Jalan Universiti (Jalan Prof Diraja Ungku Aziz)
46200 Petaling Jaya
SELANGOR
7. Pengurus
Institut Kesihatan Negara (NIH)
Jalan Setia Murni U13/52
Seksyen U13 Setia Alam
40170 Shah Alam
SELANGOR
8. Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
Lot 1853, Kampung Melayu
47000 Sungai Buloh
SELANGOR

**SENARAI EDARAN INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(ILKKM)**

1. Pengarah
ILKKM Alor Setar (Kejururawatan)
KM 6 Jalan Langgar
05460 Alor Setar
KEDAH
2. Pengarah
ILKKM Alor Setar (Pembantu Perubatan)
Lorong Penjara, Off Lebuhraya Sultanah Bahiyah
05250 Alor Setar
KEDAH
3. Pengarah
ILKKM Georgetown (Pergigian)
No. 3 Jalan Sepoy Lines
10450 Pulau Pinang
PULAU PINANG
4. Pengarah
ILKKM Bertam (Kejururawatan)
Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir
Kepala Batas
13200 Pulau Pinang
PULAU PINANG
5. Pengarah
ILKKM Sultan Azlan Shah, Ipoh
31250 Tanjong Rambutan
PERAK
6. Pengarah
ILKKM Kangar (Kejururawatan)
Jalan Behor
01000 Kangar
PERLIS
7. Pengarah
ILKKM Kuala Lumpur (Teknologi Makmal Perubatan)
50588 Jalan Pahang
KUALA LUMPUR

8. Pengarah
ILKKM Sungai Buloh
Jalan Hospital
47000 Sungai Buloh
SELANGOR
9. Pengarah
ILKKM Kuala Pilah (Kejururawatan)
Jalan Melang
72000 Kuala Pilah
NEGERI SEMBILAN
10. Pengarah
ILKKM Seremban (Pembantu Perubatan)
Jalan Rasah
70300 Seremban
NEGERI SEMBILAN
11. Pengarah
ILKKM Batu Pahat (Kejururawatan)
Jalan Kluang
86400 Parit Raja, Batu Pahat
JOHOR
12. Pengarah
ILKKM Johor Bahru
Lot 8173, Jalan Persiaran Kempas Baru
82100 Johor Bahru
JOHOR
13. Pengarah
ILKKM Kubang Kerian (Kejururawatan)
Kubang Kerian
16150 Kubang Kerian
KELANTAN
14. Pengarah
ILKKM Kuching
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Lot 221, Batu 13 ½ (KM22) Jalan Puncak Borneo
93590 Kuching
SARAWAK

15. Pengarah
ILKKM Kuching (Kesihatan Awam)
Batu 7 1/2, Jalan Penrissen
Kota Sentosa
93250 Kuching
SARAWAK
16. Pengarah
ILKKM Sibu (Kejururawatan)
Batu 5 1/2, Jalan Oya Lama,
C.D.T. No. 118
96009 Sibu
SARAWAK
17. Pengarah
ILKKM Kota Kinabalu
Jalan Kolam, Bukit Padang
88300 Kota Kinabalu
SABAH
18. Pengarah
ILKKM Sandakan (Kejururawatan)
W.D.I No. 381
90009 Sandakan
SABAH
19. Pengarah
ILKKM Tawau (Kejururawatan)
Peti Surat 1157
91036 Tawau
SABAH